

BERITA ONLINE
BERNAMA
TARIKH: 6 JULAI 2022 (RABU)



SEA Dragon sasar 20 syarikat pengembangan teknologi bentang idea di WCIT 2022



06/07/2022 08:18 PM

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) – SEA Dragon, platform pelaburan teroka, telah menyasarkan 20 syarikat pengembangan teknologi Malaysia untuk membentangkan idea mereka di Kongres Inovasi dan Teknologi Dunia (WCIT) 2022 Malaysia supaya dapat berkembang menjadi unicorn teknologi tempatan yang akan datang.

Pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM), Dr Sean Seah berkata inisiatif untuk membangunkan unicorn seterusnya melalui platform itu adalah sejajar dengan aspirasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi menghasilkan lima unicorn menjelang 2025.

"Syarikat-syarikat ini terlibat dalam sektor seperti e-dagang, logistik, automasi perniagaan, teknologi kewangan, teknologi angkasa, teknologi makanan, analitik data dan perkhidmatan perisian Internet...ini adalah antara bidang teknologi utama yang menjanjikan untuk menjadi unicorn pada masa hadapan.

"Sejak April tahun ini, lebih beberapa dozen syarikat pemula niaga dan syarikat pengembangan telah dipilih untuk bertanding di platform SEA Dragon, mendapatkan tempat untuk membentangkan idea syarikat mereka kepada dunia melalui WCIT 2022," katanya dalam ucapan perasmianya pada taklimat media SEA Dragon dan majlis pengiktirafan rakan kongsi di sini, hari ini.

Seah berkata SEA Dragon juga menawarkan sesi bimbingan kepada 20 syarikat yang dipilih pada Ogos, termasuklah bimbingan mengenai metodologi pensekuritian yang mana finalis akan melalui proses bagaimana untuk menarik perhatian dan menarik pelabur pada sesi pembentangan idea peringkat akhir semasa WCIT 2022.

WCIT 2022 akan diadakan dari 13-15 September di Pulau Pinang dengan penyertaan daripada pemimpin teknologi global, pemodal teroka dan pelabur.

Pada masa ini, terdapat sembilan syarikat yang telah disenarai pendek iaitu Angkasa-X, Best2BidTechnology Sdn Bhd, Cortex Robotics Sdn Bhd, Emerging Payment Sdn Bhd, JOCOM, MD Innovations Sdn Bhd, Reskills Edtech, Swift Bridge Technologies (M) Sdn Bhd, dan Xinn Holdings.

PIKOM telah menjadualkan tiga lagi sesi pembentangan idea SEA Dragon pada Julai dan Ogos. Syarikat pertumbuhan teknologi tinggi yang berminat untuk mengambil bahagian dalam siri pembentangan idea SEA Dragon boleh mendapatkan maklumat lanjut di <https://www.pikom.org.my/seadragon>.

– BERNAMA